Aktiviti 4

(b) Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran.

Jualan But Kereta

Aliya dan anggota keluarganya telah menyimpan pelbagai jenis buku. Ruang simpanan buku di rumah mereka telah penuh. Encik Taufik, ayah Aliya memberikan _____(**cadang**) agar mereka _____ (**jual**) sebahagian buku tersebut. Mereka telah _____ (**setuju**) untuk menjual buku-buku tersebut secara jualan murah.

Aliya dan keluarganya mengadakan _____(**jual**) but kereta untuk menjual buku. Aliya menyusun buku tersebut. _____(**Susun**) buku diletakkan mengikut jenis buku. _____(**Sewa**) tapak jualan tidak perlu dibayar. Mereka mudah _____ (**gerak**) ke mana-mana lokasi. Mereka dapat _____ (**niaga**) di kawasan orang ramai. Dengan cara ini, mereka mudah _____ (**dapat**) pelanggan.

Wang hasil jualan buku tersebut disimpan oleh Aliya untuk _____ (**beli**) buku baharu. Wang _____(**simpan**) Aliya semakin bertambah. Dengan cara ini, mereka dapat meningkatkan simpanan mereka.

LIVEWORKSHEETS